

26 MAY 2000

Pemuda-Umno

PEMIMPIN PEMUDA KEADILAM SERTAI UMNO

ALOR SETAR, 26 Mei (Bernama) -- Seramai 15 pemimpin dan anggota Pergerakan Pemuda parti Keadilan Nasional Kedah hari ini mengumumkan keluar daripada parti itu dan menyertai Umno.

Kumpulan 15 orang itu diketuai oleh bekas naib ketua Pergerakan Pemuda Keadilan Kedah, Encik Zuraidi Rahim, mereka dikatakan tidak senang dengan sikap Ketua Pergerakan Pemuda Keadilan Ezam Mohd Noor, telah menemui Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang tiba di sini untuk lawatan satu hari.

Zuraidi berkata beliau dan 14 yang lain bertindak keluar parti itu kerana tidak senang dengan perkara-perkara yang dilakukan oleh Ezam.

"Saya mendapat maklumat terbaru daripada orang yang paling dekat dengan beliau (Ezam), saya yakin maklumat yang saya terima setelah menelitinya adalah sah, saya dan rakan lain sudah tidak rasa senang dengan Ezam," katanya kepada pemberita selepas perjumpaan dengan Dr Mahathir.

Zuraidi yang juga Exco pergerakan Pemuda Pusat Keadilan mendakwa beliau pernah berkerja sebagai pegawai khas kepada Datuk Nasaruddin Abdul Jalil iaitu bekas Setiausaha Sulit kepada bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Zuraidi berkata beliau adalah penyokong kuat parti Keadilan sejak parti itu ditubuhkan, tetapi perkembangan dan maklumat terbaru yang diterima mengenai Ezam telah membuat beliau kembali kepada Umno.

Beliau bagaimanapun enggan menyatakan perlakuan Ezam yang tidak disenangi oleh beliau dan rakan-rakannya.

Beliau juga meminta kerjasama media supaya tidak mendedahkan nama 14 rakannya itu, yang terdiri daripada bekas ketua pemuda bahagian dan cawangan Kedah, atas sebab-sebab keselamatan.

Dr Mahathir, ketika ditanya mengenai tindakan 15 pemimpin Pemuda Keadilan yang menyertai Umno, berkata beliau mendapat maklumat bahawa mereka merasa kecewa dan terasa tertipu dengan perjuangan parti Keadilan dan disebabkan itu mereka keluar dari parti itu.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata beliau menerima maklumat bahawa lebih ramai lagi ahli parti Keadilan akan keluar parti apabila sedar mereka telah ditipu.

Katanya beliau menasihati 15 orang itu bahawa mereka hendaklah menyertai Umno kerana Umno memperjuangkan yang baik dan berasaskan kebenaran.

"Saya menasihati mereka supaya jangan menyertai Umno selain yakin Umno menyebelahi yang benar dan bukan semata-mata kerana kepentingan diri," kata beliau.

-- BERNAMA

ARA AKD